

Pemandu tidak sedar van gilis mangsa sehingga diberitahu kanak-kanak lain

Pelajar maut digilis van sekolah

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

SERDANG - Sepasang suami isteri terkil dengan kecuaiannya seorang pemandu van sekolah sehingga mengakibatkan mereka kehilangan anak ketiga dalam kemalangan tragis yang berlaku berhampiran rumah mereka di Taman Perumahan Green View Park, Bukit Serdang pada Selasa lalu.



AAZAD AMMAR

Lebih memilukan, dalam kejadian pukul 6.20 petang, Aazad Ammar Mohd. Azrai pelajar Tahun Dua Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Jalil itu maut akibat jantungnya pecah susulan digilis van sekolah yang dinaikinya.

Bapa mangsa, Mohd. Azrai Abd. Rahman, 40, berkata, ketika kejadian dia berada dalam kereta di pekarangan rumahnya sebelum dikejutkan dengan jeritan pengawal keselamatan perumahan berkenaan yang mengatakan ada kemalangan.

Katanya, dia yang bergegas untuk melihat kejadian tergamam sebaik melihat anak ketiga daripada empat beradik itu terbaring di tengah jalan raya berhampiran rumahnya dalam keadaan berlumuran darah.

Katanya, dia memangkuk Aazad Ammar sebelum mengetahui anaknya digilis van sekolah yang dinaiki sebaik turun ke kawasan



ATAS: Imej pada rakaman CCTV menunjukkan mangsa (dalam bulatan) digilis oleh tayar hadapan van sekolah tersebut.

KANAN: Mohd. Azrai dan Noor Adzlina menunjukkan gambar kenangan Aazad Ammar yang diambil pada Hari Raya Aidilfitri lalu ketika ditemui di rumahnya di Taman Perumahan Green View Park, Bukit Serdang semalam.

perumahan tersebut.

“Pihak Hospital Serdang memaklumkan kepada saya dan keluarga bahawa anak lelaki kami meninggal dunia selain ada kesan: gilis pada bahagian hadapan dan belakang badan mangsa.

“Lebih mengejutkan apabila saya mengetahui, pemandu itu tidak sedar dia gilis anak saya sehingga

diberitahu oleh kanak-kanak lain yang berada dalam van itu,” katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya semalam.

Tambahnya lagi, sikap cuai pemandu itu yang menurunkan anak lelaki-nya menyebabkan mereka sekeluarga kehilangan seorang insan yang rapat serta mesra dalam kalangan keluarga.



“Kami masih menunggu siasatan pihak polis sebelum akan mengambil tindakan terhadap pemandu van sekolah berkenaan.

“Tindakan yang bakal diambil itu bukan untuk menutup periuk nasi sesiapa tetapi bagi memberi pengajaran kepada pengusaha bas serta van sekolah supaya mematuhi syarat-syarat keselama-

tan ketika mengambil dan menurunkan pelajar sekolah,” ujarnya.

Kosmo! difahamkan perkhidmatan van sekolah yang diusahakan oleh sepasang suami isteri itu digunakan Azrai dan isterinya, Noor Adzlina Ibrahim, 38, sejak anak sulungnya yang kini berusia 14 tahun memasuki zaman persekolahan.